



Kebanyakan keluarga kini mampu **memiliki televisyen di rumah.**

[GAMBAR HIASAN]

Pengaruh awal media terhadap kanak-kanak

Media sebahagian daripada saluran perhubungan yang dapat berhubung dengan khalayak yang besar seperti penduduk sesebuah negara. Media perhubungan yang dimaksudkan boleh didapati dalam bentuk bercetak seperti akhbar dan majalah atau secara atas talian dan aliran gelombang seperti radio, televisyen dan internet.

Bentuk media seperti buku dan manuskrip sudah lama diguna-

kan, tetapi istilah berkenaan mula dipopularkan pada 1920-an selari dengan kemajuan rangkaian radio serta penerbitan surat khabar dan majalah secara besar-besaran.

Perkembangan media pesat

Pada zaman ini perkembangan media di Malaysia terlalu pesat. Media tradisional dan media baru silih bersaing mencari sasaran. Hal ini sedikit sebanyak turut

membabitkan individu kecil iaitu kanak-kanak. Perkembangan dimaksudkan di sini ialah teknologi yang merangkumi penggunaan internet, komputer, televisyen, telefon bimbit dan sebagainya. Boleh dikatakan ramai kanak-kanak diajar menggunakan internet. Malah, untuk mengendalikan internet juga bukanlah suatu perkara yang asing bagi mereka.

Telefon bimbit hari ini bukan lagi seperti zaman awal kemun-

culannya, sesiapa yang memilikinya dikira golongan kaya dan ternama. Namun, pada hari ini semua golongan mampu menggunakan alat berkenaan. Kita juga tidak terkejut jika dikhabarkan kanak-kanak yang berumur enam tahun sudah memiliki telefon bimbit. Hal demikian disebabkan oleh faktor pengaruh suasana dan faktor kebebasan memiliki dan menggunakan alat itu tanpa sekatan.

Implikasi media

Namun, penggunaan media yang meluas terhadap kanak-kanak ini dilihat mendatangkan banyak implikasi sama ada positif mahupun negatif. Implikasi yang wujud ini boleh memberi kebaikan bagi yang memanfaatkan dengan cara yang betul, tidak kurang juga mampu membahayakan sekiranya ia disalah guna dan boleh mengakibatkan pertumbuhan fizikal dan mental kanak-kanak terjejas.

Memetik kata-kata Profesor Chiam, salah seorang Profesor di Universiti Malaya, beliau menyatakan televisyen mampu mempengaruhi minda. Kanak-kanak dan remaja gemar menonton televisyen kerana tidak ada pilihan lain yang menarik dilakukan. Selain faktor kesibukan ibu bapa yang bekerjaya, faktor pilihan hiburan lain memerlukan perbelanjaan yang lebih tinggi turut mempengaruhi.

Tambah beliau lagi, televisyen juga boleh menjadi alat berkesan dan berpengaruh untuk membentuk seseorang individu men-

jadi warga yang baik, mempunyai kesedaran sivik dan bersifat perikemanusiaan. Antara isu moral dan agama yang dibincangkan melalui medium televisyen seperti siri *Kes Juvana*, *Bicara Hati*, *Tanyalah Ustadz* dan *Forum Perdana Hal Ehwal Islam* yang berunsur nasihat serta menerapkan nilai positif untuk dijadikan ikhtibar.

Media juga satu rekaan teknologi canggih yang dicipta pada abad lalu. Tidak dapat disangkal lagi setiap isi rumah hari ini sudah menerima kemajuan berkenaan dengan memiliki peralatan dan kemudahan canggih seperti televisyen, komputer persendirian dan talian internet serta mampu memiliki telefon bimbit sendiri bagi setiap ahli rumah dengan pendapatan bulanan sekadar melepasi tahap sederhana.

Kanak-kanak kurang cerdas

Mengikut kajian Persatuan Pengguna Pulau Pinang, televisyen mampu memberi kesan terhadap perkembangan anak. Hal ini kerana, menonton televisyen boleh menjadikan kanak-kanak kurang cerdas kerana televisyen mampu melumpuhkan, membekukan otak, menyekat kreativiti, menghalang daripada berfikir secara mendalam dan mencuri masa. Ketika usia kanak-kanak, pendedahan kepada televisyen adalah tidak sesuai kerana mereka masih tidak mampu untuk mengawal minda sendiri.

Siti Asiah Abd Hamid
Universiti Sains Islam Malaysia